



MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2024

16 JAN 2024 - Acara tahunan IKIM iaitu Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 bersama Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil dan warga kerja IKIM berlangsung di bilik Seminar MYSA. Dalam ucapan tersebut, beliau mengambil kesempatan mengumumkan perancangan peningkatan kerjaya warga kerja IKIM, perancangan program dan aktiviti IKIM bagi tahun 2024 dan seterusnya pencapaian setiap bahagian, pusat dan unit di IKIM bagi tahun 2023. Dengan tiupan kata-kata semangat dan pembentangan hala tuju IKIM oleh Dato' Ketua Pengarah akan terus menjadi pembakar semangat kepada warga IKIM untuk menyumbang dengan lebih produktif.



KUNJUNGAN HORMAT & SESI PERBINCANGAN DELEGASI IKIM BERSAMA KETUA PENGARAH JAKIM

8 JAN 2024 - Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM bersama Datin Paduka Hajah Hakimah Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM di Pejabat Ketua Pengarah JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya (KIP). Turut sama Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM; Pn. Hajah Nafiza Mohd Khir Hadi, Akauntan Utama/Pengarah (BKEP); Tn. Haji Ahmad Fuad Mat Ali, Pengarah Pusat Media; dan Pn. Hajah Nik Hasnah Ismail, Ketua Unit Perhubungan Korporat (UPK).



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI IKIM YANG DIKETUAI OLEH PENERUSI IKIM KE DUTA BESAR QATAR

10 JAN 2024 - Kunjungan hormat delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof Dato’ Dr. Muhamad Nur Manuty, Pengerusi IKIM; Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM; Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU); dan En. Farhan Rosli mengadakan pertemuan dengan H.E Salah bin Mohamad Al Sorour, Duta Besar Qatar di Pejabat Kedutaan Qatar di ibu negara. Kedua-dua pihak komited dalam menjalin ruang kerjasama dalam pelbagai bidang dan aspek bagi kemajuan ummah.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA IKIM DENGAN UiTM

11 JAN 2024 - Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi mengukuhkan lagi kerjasama antara dua pihak. MoU ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM; Dr. Mohd Farid Mohd Shahrn, Fellow Utama/Pengarah Pusat Syarak IKIM bersama Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Prof. Dr. Mohd Afandi Mat Rani, Dekan Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) di Pejabat Canselor UiTM, Shah Alam.



اَوْبُوْرَسِيْتِيْ تِيْكَوْلُوْ كِيْ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI IKIM BERTEMU KSU KEMENTERIAN DIGITAL

15 JAN 2024 - Kunjungan hormat IKIM diketuai Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM ke atas Dato' Rodzi bin Md Saad, Ketua Setiausaha, Kementerian Digital, bertempat di Pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Digital, Putrajaya. Turut hadir ialah Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU); Tn. Haji Ahmad Fuad bin Mat Ali, Pengarah Pusat Media; Puan Sapuah binti Haji Nawawi, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan; dan En. Mohamad Zainal bin Mohd Ghani, Ketua Unit Teknologi Digital.



University of
St Andrews

KUNJUNGAN HORMAT DARI DELEGASI UNIVERSITY OF ST. ANDREWS

16 JAN 2024 - Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dikunjungi oleh Dr. Brendon Wolfe dan Dr. Alex Wain dari University of St. Andrews. Turut bersama ialah Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Fellow Utama Pusat SYARAK IKIM. Antara perkara yang dibincangkan adalah kerjasama dalam pengisian program radio IKIMfm, penyelidikan dan penganjuran program secara bersama dalam memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.



18 JAN 2024 - Pertemuan mesra YB Senator Dr. Zulkifli Hassan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama bersama pegawai dan warga kerja IKIM telah disambut oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik VIP, IKIM.



KUNJUNGAN HORMAT DARI UniSZA



19 JAN 2024 - Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi UniSZA diketuai oleh Timb. Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ts. Dr. Shukor bin Abd Razak bertemu dengan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik VIP. Turut sama ialah Pengarah-Pengarah Pusat Akademik, Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) serta wakil dari IKIMfm.

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI WADAH

21 JAN 2024 - Kunjungan hormat delegasi dari Persatuan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) yang diketuai oleh Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH, ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) disambut baik oleh Prof. Dato' Dr. Muhamad Nur Manuty, Pengerusi IKIM dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik VIP, IKIM.



MADANI DIALOGUE FOR MALAYSIAN STUDENT LEADERS IN THE UNITED KINGDOM



Ketibaan delegasi IKIM disambut oleh Dr. Farooq Murad dan kepimpinan eksekutif Islamic Foundation. Perbincangan kedua-dua pihak menjurus kepada kerjasama strategik meliputi bidang penyelidikan, pembangunan lestari dan perkongsian kepakaran rentas disiplin.



Lawatan delegasi IKIM ke Markfield Institution of Higher Education dan Islamic Foundation di Leicester, United Kingdom diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.



24 JAN 2024 - Lawatan kerja ke beberapa institusi pengajian Islam di London turut menjadi agenda di dalam penganjuran program *MADANI Dialog: Building A Civilised Nation Together* yang diadakan khusus kepada pelajar pengajian tinggi Malaysia di United Kingdom.

Dalam usaha mengangkat agenda gagasan Malaysia MADANI kepada masyarakat global, IKIM bersama Persatuan Pelajar Malaysia di London (UKEC) dan Education Malaysia London menganjurkan program *MADANI Dialogue: Building A Civilised Nation Together* kepada rakyat dan pelajar Malaysia di United Kingdom.



Program Dialog MADANI diteruskan kepada pelajar Malaysia di Universiti Manchester, United Kingdom. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM menyampaikan syarahan berkenaan Gagasan MADANI dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah menyampaikan syarahan bertajuk *The Madinah Constitution as The Model For Fiqh al- Ta'ayush and National Unity in Malaysia*.

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI DARI UNIVERSITI ISLAM JAKARTA (USJ)

26 JAN 2024 - Kunjungan hormat delegasi Universiti Islam Jakarta (USJ) bertemu Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timb. Pengerusi IKIM di Bilik VIP. Turut bersama ialah Dr. Mohd Shaikh Mohd Saifuddeen, Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) IKIM.



SIDANG TAMU BERSAMA KEDUTAAN ISLAM REPUBLIK IRAN

07 FEB 2024 - Dr. Muhammad Hisyam bin Mohamad, Fellow Kanan/Pengarah Pusat EMAS, dan Dr. Muhammad Husni bin Mohd Amin, Fellow Pusat KIAS, mewakili IKIM ke sidang tamu di Kedutaan Besar Iran atas undangan Valiullah Mohammadi, TYT Duta Republik Islam Iran ke Malaysia. TYT Mohammadi yang baru sahaja dilantik pada awal tahun 2024 berkongsi dalam perbincangan sidang tamu mengenai sejarah Revolusi Iran, pembentukan Republik Islam Iran, kejayaan 45 tahun Republik dalam sektor keterjaminan makanan, kesihatan, dan pendidikan dan sains, selain menyatakan hasrat republik itu untuk mengembangkan kerja sama dengan Malaysia terutamanya dalam ekonomi, saling mengutus delegasi, dan mempromosi pelancongan.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI IKIM KE YAYASAN PAHANG



16 FEB 2024 - Kunjungan hormat diketuai Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil bersama wakil Ahli Lembaga Pengarah IKIM, Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob telah mengadakan kunjungan hormat dan perbincangan bersama Dato' Mahmud Mohd Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang.

Perbincangan amat bermanfaat menyentuh tentang kerjasama dari sudut penganjuran program dan latihan di antara IKIM dan Yayasan Pahang selain penglibatan pihak Yayasan Pahang dalam rancangan radio IKIMfm.

Dalam pertemuan tersebut delegasi IKIM diberikan taklimat ringkas pencapaian Yayasan Pahang terutama dalam memajukan anak-anak Pahang dalam bidang pendidikan termasuk pengajian Mahad Tahfiz.

Kunjungan kali ini turut dihadiri oleh Tn. Hj Ahmad Fuad Mat Ali, Pengarah Pusat Media, Pn. Sapuah Nawawi, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pn. Nik Hasnah Ismail, Ketua Perhubungan Korporat.



KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE MYTV BROADCASTING (MYTV MANA-MANA)

19 FEB 2024 - Kunjungan hormat delegasi IKIM ke MyTVBroadcasting (MYTV Mana Mana) yang diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Ibu Pejabat MYTV, Cyberjaya, Selangor.



KUNJUNGAN HORMAT DARI KEDUTAAN ISLAM REPUBLIK IRAN

19 FEB 2024 -Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menerima kunjungan hormat daripada delegasi Islamic Culture and Communication Organisation of the Islamic Republic, Iran Culture Centre the Embassy of the Islamic Republic of Iran.





MAJLIS PELANCARAN VIPKI 2024

21 FEB 2024 - Majlis Pelancaran Pertandingan Mereka Cipta Video Pendek Kefahaman Islam Malaysia (VIPKI) untuk penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2024 yang dirasmikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertempat di Dewan Seminar MYSA, Kuala Lumpur.



KUNJUNGAN HORMAT DARI PESURUHJAYA TINGGI PAKISTAN

23 FEB 2024 - Kunjungan Hormat daripada TYT Syed Ahsan Raza Shah, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan yang baharu ke Malaysia telah disambut oleh Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM. Turut hadir bersama Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah RMU, Pengarah Pusat EMAS dan Pengarah Pusat Media di Bilik VIP, IKIM.



KUNJUNGAN HORMAT DARI UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)




22 FEB 2024 - Sesi perbincangan delegasi Universiti Teknologi Petronas (UTP) diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Nuri Al Amin Endut dan Dr. Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah bersama Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah di Bilik VIP, IKIM. Turut sama ialah Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU)



KUNJUNGAN HORMAT DARI INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM)

21 FEB 2024 - Kunjungan hormat diketuai oleh Pn. Nor Safina binti Zainal, Pengarah Kanan dari Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), bersama pegawai pegawai ILIM telah disambut oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, di Bilik VIP, IKIM.

KUNJUNGAN HORMAT DARI KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA (KAGAT)



23 FEB 2024 - Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menerima kunjungan hormat daripada Mejar Jeneral Dato' Haji Mohd Rashidi Bujai, Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan Brigediar Jeneral Dato Ab Jabar bin Mohamad Aris, Timbalan Ketua Pengarah KAGAT di Bilik VIP, IKIM



SESI SUAI KENAL DAN DISKUSI JARINGAN MEDIA BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

1 MAC 2024 - Sesi suai kenal dan diskusi jaringan media bersama YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 1 Mac 2024 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Menteri, Aras 9, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya.



MAJLIS PENJENAMAAN SEMULA & PELANCARAN LOGO BAHARU IKIMfm

4 MAC 2024 - Majlis penjenamaan semula & pelancaran logo IKIMfm yang disempurnakan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya.

Paling istimewa pada majlis itu turut diumumkan Tyzo Xander sebagai penyampai baharu radio IKIMfm yang akan bersiaran menerusi slot Inspirasi Pagi.

Kemeriahan majlis diserikan dengan persembahan lagu kerohanian bertajuk Ya Badrattamam & Hijrah Demi Ilahi oleh penyampai radio IKIMfm iaitu Faiz Hj Othman, Suffian Amrin atau Pyan, Mohd Erwan Johari dan Syafiq Salleh.

SEMINAR ON A PROMINENT MUSLIM SCHOLAR: DISTINGUISHED PROF. TAN SRI DR. MOHD. KAMAL BIN HASSAN “TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP TOWARDS MALAYSIA MADANI”

6 MAC 2024 - *A Prominent Muslim Scholar: Distinguished Professor Tan Sri Dr. Mohd. Kamal bin Hassan* – “Transformational Leadership Towards Malaysia Madani” telah dirasmikan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hassan, Timb. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Prof. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM menyampaikan ucapan aluan pada seminar tersebut. Turut hadir ialah Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan jemputan kenamaan.



MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN IHYA’ RAMADAN PERINGKAT KEBANGSAAN 1445H/2024M

8 MAC 2024 - Majlis Pelancaran Sambutan Ihya’ Ramadan Peringkat Kebangsaan 1445H/2024M yang telah disempurnakan oleh YB Senator Dato’ Setia Dr. Naim Bin Hj Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Masjid Putra Putrajaya.

Pada majlis berkenaan turut diadakan acara peluncuran buku baharu terbitan IKIM bertajuk *Fasting in Ramadan* yang ditulis oleh Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM.

Turut serta pada majlis berkenaan ialah YB Senator Dr. Zulkifli Hassan, Timbalan Menteri Agama; Datuk Hj. Hakimah Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM; Prof. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM; dan Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.



MAJLIS PELANCARAN IHYA' RAMADAN IKIM 2024

14 MAC 2024 - Majlis penyampaian sampul Iftar dan agihan kurma kepada warga kerja IKIM telah disampaikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Surau IKIM anjuran Kelab IKIM dan Jawatankuasa Surau IKIM. Turut sama ialah En. Atiqurrahman Rosdi, Pengerusi Kelab IKIM dan Pn. Hajah Siti Fatimah Abd Rahman, Timbalan Pengerusi Kelab.



MAJLIS IFTAR MADANI 1445H BERSAMA YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

28 MAC 2024 - Majlis Iftar MADANI 1445H bersama Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang berlangsung di Bulatan Dataran Putra, Putrajaya. Seramai 10,000 pengunjung dan beberapa kenamaan telah menghadiri memeriahkan majlis berkenaan. Turut sama ialah Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan beberapa warga kerja IKIM yang dijemput.



YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT DI IKIMfm



4 APRIL 2024 - Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri' Dato' (Dr.) Johari Abdul sudi berkunjung ke IKIM bagi menyampaikan perkongsian eksklusif yang membincangkan tajuk "Kepimpinan ASEAN dalam Mengangkat Martabat Islam" bagi slot Radio IKIMfm. Turut hadir ialah Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi, IKIM; dan Prof. Madya. Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah, IKIM.

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA DI IKIMfm



8 APRIL 2024 - Menteri Pendidikan Malaysia, YB Fadhlina Sidek berkunjung ke IKIM bagi menyampaikan temubual khas mengenai Madrasah Ramadan Kemenangan Aidilfitri & Pengzahiran Karamah Insaniah dalam ancangan khas di IKIMfm. Turut hadir ialah Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi, IKIM; dan Prof. Madya. Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah, IKIM.

PENGHARGAAN



Sekalung tahniah diucapkan kepada Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal atas pelantikan sebagai Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Dr Mohd Farid Mohd Shahrhan atas pelantikan sebagai Ahli Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan



Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz atas pelantikan sebagai Anggota Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sesi 2024-2026.



PETANG JUMAAT RAMADAN

Di bulan Ramadan hari Jumaat yang mulia ini, telah dihindungkan 3 waktu mustajab untuk berdoa, iaitu:

1. Waktu sedang berpuasa.
2. Waktu petang Jumaat.
3. Waktu hendak berbuka.

"Hari Jumaat mempunyai 12 jam, padanya terdapat satu waktu yang mana tidak ada seorang hamba yang meminta sesuatu kepada Allah SWT melainkan Allah SWT akan memberikan apa yang dimintanya itu kepadanya. Maka carilah waktu tersebut pada akhir waktu selepas asar".
(HR al-Nasa'i)

"Ada tiga golongan yang doa mereka tidak ditolak: (1) orang yang berpuasa hingga ia berbuka, (2) imam yang adil dan (3) doa orang yang dizalimi".
(HR Tirmidhi)

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

Barakahnya BERSAHUR PADA BULAN RAMADAN

Bersahur merupakan makan di awal pagi sebelum terbitnya fajar (bermat puasa di siang hari) yang merupakan amalan sunnah yang tidak pernah ditinggalkan oleh Rasulullah SAW. Waktu bersahur didatangkan dengan barakah kepada yang mengamalkannya di bulan Ramadan ini. Antara keberkatan dalam bersahur adalah:

1. Waktu yang mustajab untuk berdoa, saat terbaik untuk beribadah untuk memohon keampunan
2. Bertenaga, menguatkan semangat, dan meringankan beban lapar bagi mereka yang berpuasa
3. Mendisiplinkan diri sebagai latihan awal untuk qiamullail dan subuh pada bulan-bulan seterusnya
3. Waktu yang terbaik bagi melakukan ibadah ringan seperti bertahajjud, zikir dan istighfar.

"Makan sahur itu barakah, maka janganlah kalian tinggalkan meskipun salah seorang dari kalian hanya minum seleguk air, kerana sesungguhnya Allah 'azza wajalla dan para malaikat-Nya berselawat kepada orang yang makan sahur".
(HR Ahmad No. 10664)

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

IKIMfm tvIKIM PENERBIT PTAS www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia

IKIMfm tvIKIM PENERBIT PTAS www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia

Puasa sebagai PEMBEBASAN NERAKA SETIAP MALAM

Rasullullah SAW bersabda:

"Jika telah hadir awal malam Ramadan, dibelengkulah syaitan-syaitan dan jin yang jahat, pintu-pintu neraka ditutup, tidak ada satu pun yang terbuka, dan pintu-pintu syurga dibuka, tidak ada satu pun yang tertutup, dan ada yang berseru:

"Wahai orang yang ingin kebaikan, lakukanlah. Wahai orang yang ingin keburukan, hentikanlah."

dan Allah akan membebaskan hamban-Nya dari api neraka di setiap malam (bulan Ramadan).

(HR At-Tirmidhi no.682)

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

Perbanyakkan BERSELAWAT PADA HARI JUMAAT

Rasullullah SAW bersabda:

"Banyakkanlah berselawat ke atasku di setiap hari Jumaat kerana selawat umatku diperlihatkan kepadaku pada setiap hari Jumaat. Maka sesiapa yang paling banyak selawatnya ke atasku, dialah yang paling dekat kedudukannya denganku."

(HR al-Baihaqi No. 10000, al-Hakim 10000, al-Bayhaqi 10000)

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

IKIMfm tvIKIM PENERBIT PTAS www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia

IKIMfm tvIKIM PENERBIT PTAS www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia

Urusanmu menjadi mudah dengan SOLAT SUNAT DHUHA

Rasullullah SAW bersabda:

"Allah SWT berfirman: Wahai anak Adam, janganlah engkau tinggalkan empat rakaat di awal siang hari (di waktu Dhuha). Maka itu akan mencukupimu di akhir siang."

(HR Ahmad (5/286))

Waktu Solat ialah 8.30 pagi -12.30 tghri
iaitu sekitar 20-30 minit selepas terbit matahari & tamat ketika hampirnya gelinciran matahari.

Dikerjakan biasa pada dua, empat, enam atau lapan rakaat dengan setiap 2 rakaat disusuli 1 salam

Niat solat Dhuha:
Sahaja aku Solat Sunat Dhuha dua rakaat kerana Allah Ta'ala

Kebiasaannya dibacakan Surah ad-Dhuha
namun dibolehkan surah yang mudah dihafazkan dalam solat

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

INSPIRASI HARIAN

Iman itu, boleh Naik & Turun.

Sering-seringlah meminta ketetapan hati di atas ketaatan.

Kerana kita tidak tahu bagaimana pengakhiran kita disaat kematian menghampiri.

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu salah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya) gementanah hati mereka; dan apabila diturunkan kepada mereka ayat-ayatnya, menjadikannya mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka (ia)lah mereka bersejahtera".
(Surah al-Ankabut 2)

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

IKIMfm tvIKIM PENERBIT PTAS www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia

IKIMfm tvIKIM PENERBIT PTAS www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



BULETIN IKIM

Edisi 1 | Januari - Mac 2024

